

Kerajaan akan jelas kebaikan akuianji kepada CUEPACS

UM 2 SEP 2007

KUALA LUMPUR 1 Sent. — Kerajaan akan menjelaskan kepada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengenai kebaikan peraturan akuianji yang akan diperkenalkan terhadap guru dan kemungkinan kepada semua kakitangan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan berbincang dengan kesatuan yang mewakili lebih 800,000 kakitangan awam itu ekoran penolakannya terhadap peraturan yang bertujuan mengelakkan guru menyimpang daripada tugas sebenar.

“Kita boleh bincang dengan CUEPACS bagi menjelaskan kenapa kita buat macam ini.

“Ini demi kebaikan kita semua, lagipun anak-anak ahli CUEPACS pun belajar juga,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Selasa lalu, Setiausaha Agung CUEPACS, Abdul Rahman Manan berkata, penolakan kesatuan itu kerana guru-guru dan kakitangan awam telah terikat dengan Perintah Am dan Peraturan Pegawai-Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata-tertib) 1993.

Menurutnya, kedua-dua peraturan itu sudah cukup untuk memastikan semua kakitangan awam berkelakuan baik, menjalankan tugas dengan betul dan taat setia kepada kerajaan.

Lagipun, kata Abdul Rahman, CUEPACS bimbang cadangan menandatangani akuianji taat setia itu hanya akan menambahkan lagi rasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

Matlamat

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, aspek disiplin dalam sesuatu organisasi sebenarnya amat penting dan tanpanya, sesuatu matlamat tidak akan tercapai.

Beliau menarik perhatian kejadian melibatkan penahanan seorang guru baru-baru ini yang cuba meracuni pemikiran pelajar melalui soalan-soalan berunsur politik dalam peperiksaan.

“Kita tidak dapat mengambil tindakan apa-apa kepadanya dan dia boleh ketawakan kerajaan.

“(Dia boleh kata) Apa dia (kerajaan) boleh buat, habis-habis sangat pindahkan saya. Saya (guru terbahit) boleh balik dan lawan dengan cara yang lebih kuat berkempen,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, pegawai kerajaan selain swasta jika terlibat dalam gejala seperti itu hampir tidak boleh disingkirkan dan jika hendak disingkirkan pun, ia perlu melalui proses undang-undang yang panjang.

Ini berbeza dengan dahulu di mana kejadian seperti ini hampir tidak berlaku memandangkan jumlah mereka yang bekerja dengan kerajaan adalah kecil.

“Bagaimanapun, kerajaan yakin hanya sedikit sahaja mereka yang terbabit dalam gejala sebegini tetapi kerana nila setitik, rosak susu sebelanga,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak bebas bertindak terhadap guru yang terbabit dalam politik kerana tiap sesuatu yang dilakukan akan dijadikan isu politik.

“Peguam tertentu daripada parti tertentu menunggu sahaja untuk mempertahankan guru berkenaan.

“Setahun, dua tahun akan berlalu sebelum pengadilan dibuat. Akhirnya hukuman yang ringan diberi yang tidak memberi apa-apa kesan,” katanya.